



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK AFDLIN SHAUKI BIN AKSAN
PEMILIK VISION WORKS**

OLEH:

NOR FARAHIN BINTI MOKTAR

2011225814

SITI RAIHANAH BINTI MD ZIN

2011646486

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK AFDLIN SHAUKI BIN AKSAN
PEMILIK VISION WORKS**

OLEH:

NOR FARAHIN BINTI MOKTAR

2011225814

SITI RAIHANAH BINTI MD ZIN

2011646486

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temu bual bersama En Afdlin Shauki Bin Aksan mengenai kerjaya beliau dalam bidang perfileman di Malaysia. Beliau merupakan pemilik kepada syarikat Vision Work. Beliau telah menceburi bidang seni sejak kecil lagi iaitu semasa di dalam persekolahan. Temubual ini khususnya adalah untuk mendapatkan maklumat tentang pengalaman beliau sepanjang menceburi bidang seni. Melalui temubual ini dapatlah kita berkongsi sedikit sebanyak tentang pengalaman beliau sepanjang menceburi bidang perfileman.

Kata kunci: En Afdlin Shauki Bin Aksan, perfileman, syarikat Vision Work.

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama Sebenar : Afdlin Shauki Bin Aksan

Tarikh Lahir : 19.MEI.1971

Usia : 42 tahun (2013)

Status : Sudah berkahwin.

Nama isteri : Maria Kristina Abdullah

Bilangan anak : 3orang

Nama Anak : Mia Sara Shauki,
Anais Shauki
Ileana Matin Shauki

Adik-Beradik : Anak sulung dari 10 adik-beradik.

Bekas Sekolah : Merupakan bekas pelajar St John,Kuala Lumpur.

Pendidikan : Ijazah dalam jurusan arkitek dari UiTM.

Impian sebenar : kerjaya yang mencabar seperti bidang penyiaran

Azam : Berbekalkan darah seni yang diwarisi dari ayahnya, seorang pemuzik, Afdlin Shauki mahu menyimpan hasrat mengembangkan bakat yang dianugerah Allah, sebagai anak seni.

Pencapaian Adlin shauki

- Osaka Asian Film Festival - Papadom (film) 3rd out of 12 Audience Award (2010)
- 22nd Malaysian Film Festival - Best Actor (2009)
- 22nd Malaysian Film Festival - Best Story (2009)
- 22nd Malaysian Film Festival - Best Comedy Film (2009)
- 19th Malaysian Film Festival - Best Actor (2006)
- 19th Malaysian Film Festival - Best Story (2006)
- 17th Malaysian Film Festival - Best Screenplay (2004)
- 17th Malaysian Film Festival - Best Story (2004)
- 17th Malaysian Film Festival - Most Promising Director (2004)
- 15th Malaysian Film Festival - Best Actor (2001)
- 20th Malaysian Film Festival - Best Screenplay (2007)
- 20th Malaysian Film Festival - Best Film Director (2007)
- 20th Malaysian Film Festival - Best Actor (2007)
- 20th Malaysian Film Festival - Best Editor (2007)
- 20th Malaysian Film Festival - Best Original Theme Song (2007)
- 19th Malaysian Film Festival - Best Film Director (2006)

- 19th Malaysian Film Festival - Best Music Score (2006)
- 19th Malaysian Film Festival - Best Screenplay (2006)
- 19th Malaysian Film Festival - Best Original Theme Song (2006)
- 17th Malaysian Film Festival - Best Actor (2004)

PENGENALAN

PENGENALAN

Tugasan projek ini dijalankan di bawah kursus IMR 604, *Oral History Documentation* atau Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami dari Fakulti Pengurusan Maklumat telah ditugaskan untuk menjalankan satu projek pendokumentasian sejarah lisan yang diadakan bersama dengan tokoh pilihan.

Beliau ialah En Afdlin Shauki Bin Aksan. Beliau merupakan seorang insan yang telah banyak menyumbang dalam pembangunan perfileman negara iaitu beliau seorang pemilik kepada syarikat perfileman iaitu Vision Works. Beliau mula menceburi bidang seni ketika beliau di alam persekolahan lagi. Beliau menyertai lakonan teater ketika dibangku sekolah.

En Afdlin merupakan seorang produser yang telah berjaya menaikkan nama-nama pelawak ke tahap yang lebih tinggi. Beliau juga telah berjaya menaikkan taraf pelawak-pelawak di tanah air. Sikap beliau sentiasa memberi tunjuk ajar dan ilmu kepada pelawak lain amat disenangi oleh pelawak-pelawak baru di Malaysia.

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNYA, dapat kami siapkankan projek kami ini dengan jayanya. Pertama sekali, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tokoh kami iaitu En Afdlin Shauki Bin Aksan. Beliau merupakan seorang anak seni yang telah berjaya menaikkan nama filem malaysia ke antarabangsa.

Kami juga ingin sekali mengucapkan terima kasih kepada Puan Kamariah Binti Chik, pensyarah kami untuk subjek ini iaitu subjek pendokumentasian sejarah lisan (IMR 604) dengan usaha yang telah beliau berikan tanpa mengenal erti putus asa. Beliau juga telah banyak berkongsi ilmu kepada kami sepanjang kami menyiapkan tugas ini.

Disamping itu juga, ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan kawan-kawan yang tidak putus-putus memberikan sokongan dalam menyiapkan tugas ini.

Sekian, terima kasih

Nor Farahin Binti Moktar 2011225814

Siti Raihanah Binti Md Zin 2011646486

ISI KANDUNGAN

TITLE	PAGE NO
Abstrak.....	i.
Biodata Tokoh.....	ii.
Pengenalan.....	iii.
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian B: Pengalaman Pekerjaan.....	4
Bahagian C: Pencapaian dan Anugerah.....	6
Log wawancara	41
Indeks	44
Senarai soalan	46
Rujukan	52
Lampiran	54
Surat Perjanjian	
Gambar	

TRANSKRIP

PETUNJUK	
NOR FARAHIN BINTI MOKTAR	: NF
SITI RAIHANAH BINTI MD ZIN	: SR
EN AFDLIN SHAUKI BIN AKSAN	: AS

BAHAGIAN A

NF : Apa nama sebenar En Afdlin?

AS : Nama sebenar saya Afdlin Shauki bin Aksan.

NF : Apakah nama sandaran En Afdlin?

AS : Afdlin Shauki.

NF : Selain dari itu tiada?

AS : Tiada. Di internet orang panggil saya Chief Kodok.

NF : Ya, dekat Instagram.

AS : Di internet, Instagram.

NF : Macam mana boleh panggil encik Chief Kodok?

AS : Pasal saya dulu ada satu *group* [kumpulan] macam *fan club* [kelab peminat] yang saya namakan Slumber Kodok dan *geng-geng* [ahli kumpulan] saya semua saya panggil kodok-kodok. Jadi mereka memanggil saya Chief Kodok.

- NF** : **En Afdlin berasal dari mana?**
- AS** : Saya dilahirkan di Johor Bharu tetapi membesar di Kuala Lumpur dan di Ipoh, Perak.
- NF** : **Di mana tempat lahir En Afdlin? Johor Bharu?**
- AS** : Johor Bharu.
- NF** : **Tarikh lahir En Afdlin?**
- AS** : Tarikh lahir saya *sembilan belas haribulan lima tahun tujuh satu* [19.05.1971]
- NF** : **Makanan kegemaran En Afdlin?**
- AS** : Makanan kegemaran saya adalah, saya *tak* [tidak] berapa memilih tapi saya suka makan yang sedap (sambil ketawa). Apa saja sebenarnya saya berani mencuba. Cuma yang saya tahu saya *tak* [tidak] suka ialah pengat sotong *pasal* [sebab] terlalu pelik bagi saya (sambil ketawa).

- NF** : **Siapakah nama isteri En Afdlin?**
- AS** : Maria Christina Orow binti Abdullah.
- NF** : **Bila tarikh perkahwinan En Afdlin?**
- AS** : Tarikh perkahwinan saya adalah *dua puluh tiga hari bulan oktober* [23 Oktober], tiga belas tahun *eh* [atau] lima belas tahun lepas. Kira sendiri.
- NF** : **Pekerjaan isteri En Afdlin?**
- AS** : Dia adalah rakan kongsi syarikat saya dan juga ketua penulis kreatif syarikat saya.
- NF** : **Bagaimana En Afdlin mengenal [mengenali] isteri En Afdlin?**
- AS** : Saya *mengenal* [mengenali] dia bila bekerja di Astro dahulu.
- NF** : **Isteri En Afdlin berasal dari mana?**
- AS** : Dia berasal daripada Sabah.
- SR** : **Sabah dekat mana ya?**
- AS** : Kota Kinabalu tetapi *bapaknya* [bapanya] dari Tuaran.
- NF** : **Berapa bilangan anak En Afdlin?**
- AS** : Tiga.

- NF** : **Nama anak En Afdlin?**
- AS** : Mia Sara Shauki, Anais Shauki dan juga Ileana Matin Shauki.
- SR** : **Dua perempuan satu lelaki?**
- AS** : Tiga-tiga lelaki, eh tiga-tiga perempuan.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B

- NF** : **Sekarang masuk taraf pendidikan. Taraf pendidikan En Afdlin?**
- AS** : (Sambil mengacau air) Taraf pendidikan saya adalah diploma *in architecture* [dalam seni bina].
- SR** : **Dekat [di] mana ye?**
- AS** : Di UiTM [Universiti Teknologi Mara].
- NF** : **Nama sekolah rendah dan sekolah menengah En Afdlin?**
- AS** : Sekolah rendah saya ada banyak, sekolah rendah saya mula-mula sekali *Methodist Boy School PJ* [Petaling Jaya], lepas *tu* [itu] St. John Institution di Bukit Nanas Kuala Lumpur, sekolah menengah saya di St. John Institution Kuala Lumpur dan selepas

tu [itu] ke ACS Ipoh [Sekolah Menengah Methodist].

NF : **Pengalaman manis En semasa sekolah rendah dan sekolah menengah?**

AS : Pengalaman manis ya---

NF : **Yang En Afdlin ingat.**

AS : Yang saya ingat sampai sekarang adalah- saya rasa apabila saya adalah seorang pelajar yang sangat aktif dan cikgu semua ingat saya nak melingkup untuk SPM saya, tapi SPM saya sangat cemerlang dan semua terkejut. Itu bagi saya satu benda yang---

NF : **Pengalaman pahit En Afdlin?**

AS : Pengalaman pahit saya, saya jatuh longkang (sambil ketawa). Pengalaman pahit saya rasa- dulu saya rasa ada ketikanya- keluarga saya dulu keluarga miskin, jadi ada ketika yang saya tidak dapat pergi ke sekolah pasal *tak* [tidak] ada duit.

NF : **Apakah aktiviti yang pernah En Afdlin sertai semasa di bangku sekolah?**

AS : Terlalu banyak untuk dicerita. Saya presiden Kelab Bahasa Malaysia, saya masuk Kelab Pidato, Bahasa Inggeris, saya juga masuk Kelab Puisi, saya masuk drama, saya masuk sukan, saya

mewakili (bunyi telefon) sekolah dalam ragbi, dalam *softball* [bola lisut], mewakili negeri dalam ragbi dan *softball* [bola lisut] juga.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C

NF : **En Afdlin merupakan mentor kepada Bochik dalam Bintang Mencari Bintang, apa komen En Afdlin tentang kumpulan Bochik?**

AS : Saya menyesal jadi mentor *diorang* [mereka]. Sebab *tak* [tidak] menang. *Tak* [tidak] adalah (sambil ketawa). Komen saya tentang *diorang* [mereka] adalah- *diorang* [mereka] adalah kumpulan yang rajin dan bekerja keras untuk berjaya dan bakat *diorang pun* [mereka juga] sangat bagus.

NF : **Adakah En Afdlin masih membimbing kumpulan Bochik?**

AS : Kalau mereka perlukan bimbingan mereka akan datang mencari saya.

NF : **Apakah komen En Afdlin terhadap program-program yang sentiasa ingin mencari bakat baru?**

AS : Ada yang bagus, ada yang membuang masa.

- NF** : **Contoh yang bagus dan yang membuang masa?**
- AS** : Contoh yang bagus dan yang buang masa? Yang bagus adalah rancangan-rancangan yang memberikan nilai hiburan yang tinggi pada orang, dan yang *tak* [tidak] bagus adalah rancangan yang cuba mempopularkan orang-orang yang *tak* [tidak] berapa berbakat.
- SR** : **Kiranya diorang [mereka] tak [tidak] pandang bakat.**
- AS** : Kita *ni* [ini] dalam bahasa Inggeris “*we like to celebrate mediocrity*” [kita suka hendak meraikan kesederhanaan]. Faham *ta* [tidak]?
- SR** : **Boleh *tak* [tidak] En Afdlin terangkan?**
- AS** : Kita suka- benda-benda yang biasa kita agung-agungkan. Macam contohnya pertandingan nyanyian, orang- nyanyian adalah sesuatu benda, kalau nyanyi sedap atau tidak sedap. Nyanyinya biasa-biasa, tapi dia punya rancangan nak mempopularkan orang ini sangat gah.

NF : **Apakah usaha En Afdlin sendiri untuk meningkatkan lagi taraf dan penerimaan masyarakat terhadap bidang komedi di Malaysia?**

AS : Saya bukan berada dalam industri komedi ini sebagai pelawak sahaja di depan. Saya adalah orang yang membantu untuk menaikkan industri komedi daripada buat program, hasil-hasil program supaya orang- bila orang dah *start* [mula] suka komedi barulah pelawak-pelawak ini akan jadi popular. Jadi saya *more on* [lebih kepada] penggerak daripada *just* [cuma] pelawak.

NF : **Apakah komen En Afdlin tentang pelawak-pelawak baru di Malaysia?**

AS : Ada kebanyakannya bagus- tapi kebanyakannya masih lagi- *tak* [tidak] pandai untuk mencari bahan komedi baru. Tapi kebanyakannya adalah bagus.

NF : **Adakah En Afdlin pernah memenangi anugerah?**

AS : (Memandang anugerah-anugerah yang berada di rak) [Pelakon Lelaki Terbaik (2006), Cerita Asal Terbaik (2006), Pelakon Lelaki Terbaik (2001), Layar Terbaik (2004), Cerita Asal Terbaik (2004), Sutradara Harapan (2004), Anugerah Industri Muzik 1997 - Best Male Vocal Performance - "R.A.P '96", Anugerah Industri Muzik 2004 - Best Album Cover - "Fuyoo!", Anugerah Industri

Muzik 2004 - Best Album Recording - "Fuyoo!", Anugerah Industri Muzik 2004 - Best Music Arrangement in a Song - "Sampai Bila?" from "Fuyoo!", Anugerah Industri Muzik 2004 - Best New Artist - Afdlin for "Fuyoo!"]

- NF** : **Apakah perasaan En Afdlin ketika memenangi anugerah?**
- AS** : Selalunya apabila kita memenangi anugerah kita rasa kerja yang kita buat ataupun apa sahaja- apa sahaja hasil karya seni kita dihargai oleh sahabat-sahabat kita.
- NF** : **Apakah harapan En Afdlin sebagai penggiat seni tanah air?**
- AS** : Harapan saya adalah seni lebih dihormati oleh orang ramai dan tidak dianggap satu benda yang remeh. Hasil kerja dia, kerjanya bukan mudah dan apa yang *kita orang* [mereka] buat, sama berat dengan kerja-kerja seorang buruh.
- NF** : **Dalam kalangan artis, En Afdlin dikatakan sama hebat dengan Allayarham Tan Sri P.Ramlee [seniman tanah air].
Apa komen En Afdlin?**
- AS** : Itu orang cakap, saya *tak* [tidak] pernah cakap.

- NF : ***Kita orang [kami] buat research [kajian].***
- AS : Ya la.
- NF : **Apa komen En Afdlin?**
- AS : Komen saya itu orang cakap, saya *tak* [tidak] pernah cakap. Bagi saya P.Ramlee [seniman tanah air] adalah, lagenda yang memang tidak pernah akan ada gantinya dan (bunyi batuk) ramai yang diantara kita hanya mampu untuk cuba menjadi sebaik dia. Tapi saya rasa biarlah legasi P.Ramlee *tu* [itu] adalah untuk P.Ramlee, dan sebagai kita cuba mencipta legasi kita sendiri. Tapi walaupun orang cakap macam *tu* [itu] kita tak boleh terima macam benda tu adalah satu kenyataan walaupun kita berterima kasih kerana orang memandang kita macam *tu* [itu].
- NF : **Siapakah teman rapat En afdlin dalam bidang seni?**
- AS : Teman rapat saya dalam bidang seni. Saya tak [tidak] ada teman rapat dalam bidang seni.
- SR : **Kumpulan Boboy, En Harun Salim Bachik?**
- AS : Harun Salim Bachik, kita rapat tetapi kita rapat dalam Boboy *je* [sahaja], pekerjaan. Kalau dari segi *nak* [hendak] kata siapa yang *good friend, every time* [teman rapat, setiap kali] kita jumpa untuk *discuss* [bincang] projek, saya rasa kalau seorang yang agak dekat,

yang tahu masalah saya, tahu apa benda semua mungkin Mamat Khalid. Itu yang paling *close* [rapat].

NF : Adakah En Afdlin mempunyai kelab En Afdlin sendiri?

AS : Dulu ada, tapi semenjak sibuk ni dah jumpa di internet sahaja. Dulu kita orang ada sangat aktif, tengok wayang sama-sama, *discussion* [perbincangan], dan lain-lain.

NF : Siapakah idola En Afdlin?

AS : P. Ramlee [seniman tanah air]. Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

NF : Apakah komen En Afdlin apabila ada yang menganggap bidang seni ini merupakan satu bidang yang mencabar?

AS : Betul. Komen saya betul dan setuju.

NF : Kenapa ianya mencabar?

AS : Kenapa? Sebab semua benda yang hendak dibuat dengan baik adalah mencabar.

SR : Sebentar tadi En Afdlin ada menyatakan bahawa En Afdlin meminati Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Kenapa En Afdlin meminati beliau?

AS : Sebab pada saya dia adalah seorang yang sentiasa cuba memberi

kelainan pada industri dengan bakatnya yang sangat baik sehingga membawa dia ke serata dunia dan sebagai seorang artis, dia ini memberi sumber inspirasi kepada orang ramai. Apa yang Allahyarham Tan Sri P. Ramlee [seniman tanah air] tidak dapat lakukan kita cuba perbaiki, kita cuba lakukan, tetapi semangat cinta pada seni menghasilkan cerita yang sangat baik, iaitu sampai ke Jepun dan mendapat pengiktirafan dari pihak Jepun. Pada saya ini adalah satu *role model* [idola] yang sangat baik.

NF : **Sebagai seorang yang berbakat, pada pandangan En Afdlin apakah kriteria yang perlu ada pada seseorang individu?**

AS : Dia mempunyai komitmen yang tinggi, tidak pemalas, kerja keras, dan dia mempunya *passion* [keghairahan] terhadap seni menjadi perkara utama sekali untuk_, bukan wang ringgit.

SR : **Apakah ciri-ciri yang En Afdlin perlukan pada individu yang ingin bekerjasama dengan En Afdlin?**

AS : Dia mesti cergas, komited, mahu belajar. Saya juga masih belajar lagi walaupun saya sudah lama dalam industri ini, tapi apa-apa yang kita boleh belajar, kita patut belajar, betul tidak? Banyak sangat ilmu dalam dunia ini yang kita tidak tahu. Jadi kepada seorang pelakon yang saya nampak dia bagus adalah sentiasa hendak belajar dan memperbaiki kerja dia, memperbaiki lakonan

dia. Itu seorang yang saya sangat suka.

NF : **Pada pandangan En Afdlin, apa perbezaan antara lawak dahulu dan sekarang?**

AS : Lawak dahulu dan sekarang. Mungkin lawak dahulu rentaknya lain sedikit, dan lawak sekarang rentaknya lain sedikit. Orang sekarang lebih suka lawak yang bersahaja dan saya rasa tahap komedi pun sudah mula menjadi *sophisticated* [canggih]. Ianya bukan lagi macam senario dahulu yang *very simple* [sangat ringkas], tapi sekarang orang hendak yang *smart* [bijak] sedikit, iaitu lawak yang ada memberi cabaran minda sedikit (bunyi motor).

SR : **Apakah usaha En Afdlin untuk pelawak-pelawak senior untuk setanding dengan pelawak-pelawak yang baru?**

AS : Awak tengok Super Spontan, pelawak-pelawak kebanyakan yang baru. Dalam Liga Lawak Superstar, otai-otai dapat beraksi. Selalunya tidak dapat peluang beraksi. Tapi Maharaja Lawak Mega juga dibuka kepada pelawak-pelawak yang otai, senior, juga yang baru. Gabungan ini membuka satu pentas bagi ketiga-tiga generasi. Kalau *you* [awak] tengok dari segi *ranking* [kedudukan] Raja Lawak, Maharaja Lawak, dan Maharaja Lawak Mega , *ranking* [kedudukan] yang paling tinggi adalah Maharaja Lawak

Mega, iaitu yang ada otai, senior dan yang baru. Raja Lawak kurang, Maharaja Lawak Mega lebih, tapi yang lebih banyak adalah Maharaja Lawak Mega. Ini membuktikan masih ada tempat di sisi peminat bagi pelawak-pelawak dan lawak yang baik. Tidak kira daripada apa-apa generasi.

NF : Apakah komen En Afdlin mengenai kumpulan Boboi yang mendapat tempat kedua dalam Maharaja Lawak Mega?

AS : Alhamdulillah.

NF : Bagaimana En Afdlin dan En Harun Salim Bachik boleh bergabung menjadi sebuah kumpulan, iaitu Boboi?

AS : Bagaimana? Abang Harun adalah salah seorang pelawak senior yang saya sangat minat, sebab saya generasi selepas abang Harun, dan daripada dahulu saya minat kerja dia dan sebab itu bila saya buat filem, kalau awak perhatikan kebanyakan filem saya ada dia. Jadi semenjak saya bekerja dengan dia, saya jatuh cinta dengan hasil kerja dia dengan lawak dia. Jadi, apabila pertama kali ada Maharaja Lawak Mega ini, kita pun cuba yang terbaik untuk memasukinya dan abang Harun juga memang setuju. Dia juga meminati kerja saya sebagai pengarah dan seorang pelawak, dan kita buat.

SR : **Bagaimana timbulnya idea untuk menjual baju, topi, kek Boboi dan lain-lain?**

AS : Sebab sebenarnya kita orang teruja dengan Upin Ipin. Jadi, masa *kita orang* [kami] buat Maharaja Lawak Mega, kalau Afdlin Shauki dan abang Harun, orang lain sudah biasa dan tahu. Kita juga sudah ada *market* [pasar] kita sendiri. *Market* [pasar] kita selalunya orang dewasa. Jadi, apa kata kita buat satu produk yang budak-budak *pun* [juga] suka. Sebab itu *kita orang* [kami] menjadi Boboi. Sebenarnya Boboi ini memang dirancang supaya ianya akan menjadi satu *trend* [aliran].

NF : **Siapakah yang memberi nama Boboi?**

AS : Dr Azizan Osman. Dia panggil anak dia Boboi, *kita orang* [kami] tengah *discuss* [bincang] nama dan dia mencadangkan nama Boboi sebab nama Boboi *best* [bagus]. Cuma masalahnya nama Boboi dekat dengan nama Boboi Boy (sambil ketawa). Ramai panggil kami Boboi Boy.

NF : **Apakah pandangan En Afdlin terhadap penerimaan masyarakat dalam bidang komedi pada waktu sekarang?**

AS : Alhamdulillah. Mereka sangat teruja dan saya rasa ingin berterima kasih kerana akhirnya pelakon-pelakon komedi dinaik taraf. Pada zaman dahulu, pelawak ini dipandang sebagai *support* [tambahan]

sahaja. Kalau ada *show* [persembahan] nyanyian, semasa *break* [rehat] mereka panggil pelawak keluar depan *audience* [penonton] supaya boleh menghiburkan hati *audience* [penonton] semasa tengah *commercial* [iklan]. Bagi saya, perkara itu agak hina juga. Kita hanya mampu berlawak pada ketika itu sahaja, dan semasa tengah berlawak dan waktu *dah* [sudah] hampir habis, mereka akan menghalau. Saya tidak pernah buat kerja itu, tetapi bagi saya ianya satu penghinaan pada seseorang pelawak, dan akhirnya sekarang pelawak memegang *stage* [pentas] dan pelawak sekarang lebih popular daripada pelakon dan penyanyi. Dari segi *business* [perniagaan] pula, pelawak-pelawak lebih maju, dan juga dari segi filem, *tv* [televisyen] atau pun *live show* [persembahan secara langsung]. *So* [jadi], sekarang ini jadi pelawak boleh menjadi jutawan, dahulu tidak boleh. Jadi pelawak boleh mendapat kehidupan yang sangat selesa. Pelawak dahulu tidak boleh, susah. Alhamdulillah.

NF : Apakah nama filem yang En Afdlin minati?

AS : Cinema Paradiso. (bunyi ketawa)

NF : Bilakah En Afdlin mula meminati bidang lakonan?

AS : Semenjak kecil lagi. Saya mula belajar lakonan ketika umur 10 tahun. Di Perpustakaan Negara Malaysia. Perpustakaan Negara

Malaysia mengadakan teater kanak-kanak setiap hari Sabtu dan Ahad. Emak saya ingat saya pergi ke sana untuk membaca buku (sambil ketawa). Saya pergi naik bas sendiri. *First day* [hari pertama] sahaja emak saya membawa saya pergi ke sana. Pada hari itu saya membaca buku dan secara tiba-tiba saya terlihat ramai kanak-kanak pergi ke sebuah bilik di belakang perpustakaan. Saya pergi lihat dan saya nampak ada cikgu yang sedang mengajar kanak-kanak berlakon teater.

NF : Adakah En Afdlin memasuki bidang lakonan dengan sokongan ibu bapa?

AS : Ya, mendapat sokongan. Bapa saya seorang ahli muzik. Tetapi pada mula saya tidak *handsome* [kacak], tetapi sekarang *handsome* [kacak] sangat (sambil ketawa). Semasa saya kecil mungkin emak bapa saya tidak *confident* [yakin] dengan saya. Jadi saya dapat mengubah persepsi orang apabila saya membuat filem. Konsep saya sebagai seorang pengarah, hero yang dipilih adalah orang biasa. Orang-orang seperti bapa kita, orang tepi jalan, sebenarnya ini adalah hero-hero dalam hidup kita. Ini adalah bapa kita. Bapa kita pergi kerja, cari nafkah untuk kita. Pada saya itu adalah hero. Jadi, saya tidak percaya hero itu perlu *handsome* [kacak] macam Aaron Aziz. Konsep saya sebagai *director* [pengarah], saya sentiasa memilih orang yang biasa-biasa sahaja.

Sebab itu, kalau *you handsome* [awak kacak], *you* [awak] jarang dapat berlakon dengan Afdlin Shauki. (Gelak) bukan sebab benci dan tidak suka tetapi untuk mengelakkan stereotaip yang di buat oleh Hollywood bahawa setiap hero itu mesti macam orang putih. Pada saya, saya tidak percaya.

SR : **Adakah dari sekolah En Afdlin bercita-cita untuk menjadi pelakon?**

AS : Saya dahulu dekat sekolah (sambil mengacau air) ingin menjadi polis, bomba dan ambulans. (bunyi orang ketawa) Bukan doktor ya, menjadi ambulans. Sebab dahulu ada iklan hubungi polis, bomba, ambulans. Jadi saya mahu menjadi ambulans.

NF : **Bolehkah En Afdlin menceritakan saat-saat menjadi anak seni?**

AS : Saat-saat yang bagaimana?

NF : **Semasa mula-mula ingin menceburi bidang seni.**

AS : Mula-mula saya berumur *sepuluh* [10] tahun. Awak kena beritahu saat yang mana.

- NF : **Mula-mula En Afdlin dikenali.**
- AS : Dikenali sebagai penyanyi ke, pelakon ke, bila?
- NF : **Anak seni?**
- AS : Anak seni? Awak tahu anak seni itu apa? Saya sekarang ini apa?
- NF : **Pelawak.**
- AS : Awak kata saya ini pelawak kan? Okey, saya mula melawak selepas saya menjadi penyanyi dan juga pelakon.
- NF : **Boleh ceritakan semasa mula-mula En Afdlin menjadi penyanyi?**
- AS : *Okey* [baiklah]. Saya mula-mula berlakon menjadi artis di teater. Berlakon teater. Tapi itu secara tidak professional. Lagi pun masa itu belajar. Sebagai seorang professional, saya bermula sebagai penyanyi. Dengan syarikat Roslan Aziz Production. Saya menyanyi dengan Sheila Majid dan juga Zainal Abidin. Masa itu adalah perkenalan saya yang pertama dengan dunia industri hiburan secara professional. Detik-detiknya adalah sangat gembira. Idola saya dahulu di dalam bidang muzik adalah Sheila Majid dan Zainal Abidin. Dan saya cuba untuk masuk dalam *company* [syarikat] ini, sedangkan hendak memasuki *company* [syarikat] ini sangat susah kerana artisnya sangat sedikit. Hanya

ada Sheila Majid, Zainal Abidin, *and then* [selepas itu] arwah Zubir Ali pada masa itu. Tiga orang sahaja masa itu. Saya masuk dan artis yang masuk dalam *group* [kumpulan] itu adalah yang sangat baik. Dan saya diterima masuk di dalam kumpulan itu. Pada saya itu adalah saat yang paling bahagia, dan semasa saya *start* [mula] menjadi artis saya punya gaji hanya *one ratus setengah* [RM250.00] sahaja, tetapi saya seronok sangat dan *happy* [gembira]. Orang selalu ingat saya kaya raya, tetapi gaji *dua ratus setengah* [RM250.00] balik rumah flat duduk dengan emak dan adik-beradik.

NF : Boleh En Afdlin berkongsi tajuk lagu yang En Afdlin nyanyi dengan Sheila Majid.

AS : “September Pagi”. Itu lagu pertama yang saya berduet dengan Sheila Majid. Saya orang lelaki pertama yang berduet dengan Sheila Majid.

NF : Siapakah yang menyokong dan menjadi tulang belakang sepanjang En Afdlin di dalam bidang seni?

AS : Ibu saya, bapa saya, (bunyi cawan) walaupun pada mulanya mereka mahu saya menjadi seorang arkitek, meneruskan kerjaya saya sebagai seorang arkitek tetapi mereka faham---. Macam ini, dalam hidup apa yang membuatkan kita *happy* [gembira]. Kita

tidak mahu hidup dalam keadaan menyesal. Kita jangan hidup disebabkan aku belajar akaun, aku keluar aku kena menjadi seorang akauntan. Tetapi aku benci. Maknanya *passion* [keghairahan] kita bukan dekat situ. Kalau *you* [awak] buat benda yang *you* [awak] suka dalam hidup, dan *you* [awak] betul-betul minat dan *passion you* [keghairahan awak] dekat situ, *you* [awak] akan rasa tidak mahu balik selagi kerja *you* [awak] belum siap. *And then* [dan selepas itu] walaupun dalam keadaan susah, *you* [awak] akan teruskan juga kerja itu. Kalau tidak, *you* [awak] akan terus cepat mengalah.

NF : **Apakah filem pertama yang En Afdlin lakonkan?**

AS : Filem pertama yang saya lakonkan adalah “Mimpi Moon”.

SR : **Filem pertama yang En Afdlin terbitkan?**

AS : Filem pertama yang saya terbitkan adalah filem yang terus ke DVD, namanya “Kelibat”. Dan selepas itu, filem di panggung yang pertama saya buat adalah “Sumolah”.

NF : **Filem apakah yang En Afdlin tidak boleh lupakan sepanjang arahan En Afdlin?**

AS : Filem pertama yang saya terbitkan, saya terbit bersama Grand Brilliance iaitu filem “Buli Balik”. Tetapi secara sendirinya

“Sumolah”.

SR : Bagaimanakah tercetusnya idea untuk membuat filem Buli Balik?

AS : Filem itu adalah mengenai *inferiority complex* [rasa rendah diri] orang melayu. Kita orang melayu banyak yang *inferiority complex* [rasa rendah diri] yang kita tidak sedar. Macam mana kita hendak tahu yang orang melayu ini *inferiority complex* [rasa rendah diri]. Contohnya, kita baru beli *handphone* [telefon bimbit] baru, dan kebanyakannya akan berkata kita mampu sedangkan mereka tidak mampu. Jadi inilah *inferiority complex* [rasa rendah diri]. Kita tidak percaya yang kita boleh menjadi seorang yang lebih bagus daripada orang lain. Bukannya kita riak, tetapi apabila kita menanamkan di dada kita yang kita boleh menjadi bagus, kita akan menjadi lebih bagus. Apabila menjadi artis kerja kita akan menjadi banyak. Tetapi orang ingat yang benda ini senang. Tetapi pada saya, saya buktikan pada *Super Spontan* [sebuah rancangan komedi televisyen] dan *Liga Lawak Super Star* [sebuah rancangan komedi televisyen]. Bukan semua orang boleh buat, sampai artis-artis yang liga lawak mula-mula *tu* [itu] memang biru muka dia, rasa macam, macam mana aku nak buat *ni* [ini]? Sebab ianya spontan. Maknanya *you* [awak] kena berdepan dengan *live audience*, *you* [penonton secara langsung, awak] kena berlakon spontan. Kalau *you tak* [awak tidak] kelakar ke ape ke *you* [awak]

kena terima *jugak* [juga] disitu. *So* [jadi], orang lain ingat kerja senang. *Nak* [hendak] menjayakan, *nak* [hendak] menjadikan program seperti itu bukan senang.

SR : Dimanakah En Afdlin dapat idea untuk program itu?

AS *Kita orang, pasal* [kami, oleh kerana] saya *dah* [sudah] buat sketsa organisasi *ni dah* [ini sudah] hampir lima belas [15] tahun. Saya main dengan kawan-kawan saya di pentas teater, *kita orang* [kami] buat satu *show* [persembahan] namanya *actor limpics* [sebuah siri sketsa yang berasaskan teater]. Sebab *actor limpics ni* [ini] diluar *tv* [televisyen] dan ia dalam bahasa Inggeris. *So*, [jadi] masa saya buat adalah saya olahkan *benda* [perkara] itu untuk dijadikan dalam bahasa melayu dan dimainkan oleh pelawak-pelawak tanah air kita. Dan idea daripada *game-game* [permainan] itu sebenarnya sama dengan yang dimain didalam *youtube* [laman perkongsian video]. Teater *sports* [permainan] ini ada *gamenya* [permainannya]. Dan benda ini adalah satu yang dilakukan oleh banyak penggiat teater seluruh dunia. Sebenarnya asas spontan ini adalah daripada teater.

SR : Saya ada tertarik dengan satu permainan didalam liga lawak yang menyanyi sambil refleksologi. Darimana En Afdlin dapat idea itu?

AS : Itu *pasal* [kerana] saya pernah refleksologi hari *tu* [itu], dengan *uncle* [pakcik] Lup. *Uncle* [pakcik] Lup datang refleksologi saya, saya cakap Ya Allah sakitnya orang tua ini urut, saya pon tengah fikir game [permainan] nak bagi [mahu beri] dia orang [mereka] main. Masa itu *my brother* [abang saya] tengah berborak dengan *I* [saya] tiba-tiba (menjerit kesakitan). Kita cakap *pun tak* [juga tidak] boleh, kalau nyanyi macam mana? (Sambil ketawa). *So* [jadi] begitulah.

NF : Apakah kenangan manis En Afdlin dalam bidang seni?

AS : (Sambil berfikir) Filem saya bermain di depan orang-orang Jepun di Osaka dan dapat tepukan gemuruh dihujung filem *tu* [itu]. Walaupun orang Jepun *tak* [tidak] faham bahasa melayu (sambil ketawa) tetapi di hujungnya mereka ketawa. Dan masa itu saya rasa apa yang saya nak sampaikan dalam filem itu telah sampai kepada orang Jepun itu. Bagi saya itu saat-saat yang--- banyak saat-saat yang besar *macam* [seperti] memenangi anugerah *Best Asian Tv Presenter* [penyampai TV terbaik Asea] untuk saya punya *talkshow* [temubual] Bila Larut Malam. Tapi *tak* [tidak]

sama dengan bila *you* [awak] buat hasil kerja *you* [awak] dan *you* [awak] duduk tengok banyak *audiences* [penonton-penonton] Jepun dan *dia orang gelak* [mereka ketawa] masa kita buat lawak dalam bahasa melayu, *and then* [dan kemudian] mereka tepuk tangan. Pada saya itu satu yang--- dan lepas itu menang di tempat kedua *because* [kerana] orang *voting* [undi]. So [jadi] filem yang menang adalah filem Korea, *kita orang* [kami] di tempat kedua, ketiga filem dari China, keempat filem dari *US* [Amerika] (bunyi kenderaan), macam rasa bersyukur, Alhamdulillah.

NF : **Apakah kenangan pahit En Afdlin?**

AS : Kenangan pahit banyak. *Time-time* [masa] perpisahan semua. Tetapi saya *tak* [tidak] akan sampai ke tahap *ni* [ini] tanpa kenangan-kenangan pahit *tu* [itu]. Kenangan-kenangan pahit itu yang banyak mengajar saya untuk menjadi lebih baik.

SR : **Bilakah Vision Work ini ditubuhkan?**

AS : *Lima belas* [15] tahun yang lepas. Tahun *dua ribu tujuh* [2007].

SR : **Adakah ini merupakan tempat asal Vision Work?**

AS : *Tak, mula-mula kat* [tidak, pada mulanya berdekatan] dengan *office* [pejabat] KRU lama iaitu di Setiawangsa.

NF : **Adakah Encik Afdlin berpuas hati dengan semua filem yang telah diterbitkan oleh En Afdlin?**

AS : *Tak* [tidak]. Ada yang puas hati, ada yang *tak* [tidak] puas hati. Sebagai seorang pengarah, kalau *you* [awak] puas hati *you* [awak] memang tak payah jadi pengarah sebab pengarah *ni* [ini] sentiasa *tak* [tidak] puas hati, kalau aku buat macam ini lagi best. Tapi pada satu ketika *you* [awak] perlu cakap *okay* [baiklah] ini yang terbaik yang aku boleh buat. Tapi kalau tengok balik, kalau aku buat macam *ni* [ini] lagi elok. Sebagai seorang pengarah yang betul-betul serius untuk jadi pengarah dia tidak akan berpuas hati dengan hasil kerja dia.

NF : **Apakah komen En Afdlin tentang perfileman di Malaysia?**

AS : (Bunyi cawan) Pada saya banyak masalah yang perlu diatasi. (Bunyi telefon) Kita buat filem tapi bila kita nak sampaikan filem kita kepada penonton kita ada masalah di panggung sebab di panggung tidak memberi kerjasama yang baik dengan produser-produser tempatan.

SR : Apakah komen En Afdlin tentang kes KL Gangster?

AS : Isu KL Gangster? Pada saya ini menunjukkan walaupun kita negara Islam (bunyi kenderaan) kita *ni jugak* [ini juga] bangsa yang mencuri. Setiap kali *you* [awak] tonton filem tu diluar, *you* [awak] mencuri hasil kerja orang. *You* [awak] mencuri duit yang *dia orang dah* [mereka sudah] laburkan RM 4.2 juta untuk buat filem itu dengan harapan dia akan memberikan filem yang terbaik bagi orang tonton. Dan orang mencuri apa yang dia *dah* [sudah] buat dan orang jual untuk keuntungan *dia orang* [mereka] sendiri. Bebas letak *kat* [di] internet untuk tontonan orang ramai. Dan setiap orang yang menonton filem itu mencuri. Jadi *you* [awak] jawab lah. *Benda ni* [perkara ini] adalah orang tak [tidak] nampak kerana benda *tu* [itu] bukan fizikal. Macam awak datang sini awak ambil benda ini (memegang barang) awak simpan, itu curi kan? Nampak kan? Tapi awak *tak* [tidak sedar] awak tengok *benda* [filem] itu pun awak curi. *Pasal* [kerana] awak *tak* [tidak] membayar untuk tengok *benda* [filem] itu. Jadi bila *you tak* [awak tidak] bayar *nak* [hendak] ambil barang ini, samalah *you tak* [awak tidak] bayar untuk filem itu. Dalam minda kita, *its okay, it just a movie*. *Ni kat* [ianya tidak apa, itu hanyalah satu filem. Ini di] internet, tapi *you* [awak] kena sedar yang kita punya *value* [nilai] benda *tu* [itu] salah. Maknanya, kita *mengokaykan* [mengiyakan]

